

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' / Prof. / Dr. / Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM *ARTIFICIAL INTELLIGENCE* (AI) OLEH LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seiring dengan agenda Kerajaan dalam membangunkan industri yang berkaitan dengan AI, MBOT berpandangan bahawa agenda ini perlulah disokong dengan penyediaan bakat-bakat yang berkemahiran tinggi. Untuk tujuan ini, Majlis Akreditasi Teknologi & Teknikal (TTAC) telah membangunkan kerangka khusus bagi mengakreditasi program AI yang ditawarkan oleh institusi pendidikan tinggi awam dan swasta.

3. Berdasarkan Jadual 1 dan Jadual 2 seperti di Lampiran, AI dirujuk dalam kerangka ini sebagai disiplin ke-enam bagi bidang Teknologi Maklumat & Komunikasi yang terbahagi kepada dua bahagian seperti berikut:

i. ***Core Knowledge Area of Competencies***

Kerangka ini merujuk dan terpakai untuk semua disiplin bagi bidang Teknologi Maklumat & Komunikasi, iaitu *Information Technology, Information System, Computer Science, Software Engineering, Data Science* dan AI.

ii. ***Major Discipline Knowledge Area of Competencies***

Kerangka ini merujuk dan hanya terpakai untuk disiplin AI bagi bidang Teknologi Maklumat & Komunikasi.

Berdasarkan kerangka ini, MBOT mempelawa institusi pendidikan tinggi awam dan swasta yang ingin menawarkan program AI mendapatkan akreditasi menerusi TTAC.

4. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Prof./ Dr./ tuan/ puan bolehlah berhubung dengan Sekretariat Akreditasi Teknologi & Teknikal di talian 03 - 8800 6211 atau emel ttas@mbot.org.my.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Zaliman Bin Sauli', with a stylized flourish at the end.

(LT. KOL PROF. DATO' TS. DR. ZALIMAN BIN SAULI)

Pengerusi

Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal

Lembaga Teknologis Malaysia

Jadual 1: Core Knowledge Area of Competencies

No.	Core Knowledge Area of Competencies	Certificate	Diploma	Bachelor's degree
1	Computer architecture	/	/	/
2	Database fundamentals	/	/	/
3	Basic mathematics	/	NA	NA
4	Network & data communication	/	/	/
5	Operating system	/	/	/
6	Programming fundamentals	/	/	/
7	Cyber security fundamentals	/	/	NA
8	System analysis & design fundamentals	/	/	/
9	Statistics & probability	NA	/	NA
10	Ethics in computing	NA	/	NA
11	Discrete mathematics	NA	/	NA
12	Calculus & algebra	NA	/	NA

Jadual 2: Major Discipline Knowledge Area of Competencies

No.	Major Discipline Knowledge Area of Competencies	Certificate	Diploma	Bachelor's Degree
1	Cognitive science	NA	NA	/
2	Computational intelligence	NA	NA	/
3	Data management & analytic	/	/	/
4	Responsible artificial intelligence & ethics	/	/	/
5	Machine learning	/	/	/
6	Reinforcement learning	NA	NA	/
7	Deep learning	NA	/	/
8	Generative artificial intelligence	/	/	/
9	Artificial intelligence engineering	NA	NA	/
10	Artificial intelligence optimization	NA	NA	/
11	Computer vision	/	/	/
12	Natural language processing	/	/	/